

DISEMBER 2021/JANUARI 2022



Selamat Tinggal

2021

SELAMAT DATANG

2022



PERUTUSAN PENGERUSI



Assalamualaikum wbh dan salam sejahtera

Warga FGV sekalian,

Syarikat-syarikat dalam Kumpulan FGV ditubuhkan seiring dengan penubuhan dan perkembangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Satu demi satu syarikat diwujudkan bagi memenuhi keperluan FELDA untuk mengurus dan mengusahakan tanah-tanah serta skim peneroka negara sejak tahun 1956.

Syarikat-syarikat inilah yang membentuk Kumpulan FGV, sekali gus memegang kepentingan demi kemampaman FELDA pada hari ini. Setelah 65 tahun berlalu, pelbagai cabaran dan pengalaman suka-duka yang diharungi banyak memberi pengajaran kepada semua pihak. Walau bagaimanapun, apa yang penting adalah bagi kita di Kumpulan FGV untuk terus berdaya saing dan menunjukkan prestasi yang diharapkan oleh pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kita harus bergerak seiring dengan aspirasi dan hala tuju FELDA ke arah memajukan 317 rancangan di seluruh negara serta 112,635 keluarga peneroka. Kumpulan FGV perlu memahami peranannya dalam konteks keseluruhan entiti FELDA tersebut dan bergerak sebagai satu pasukan.

Kita sudah pun merangka Pelan Perniagaan 2022-2024 yang akan memfokuskan peranan FGV sebagai syarikat pengeluar makanan dan mengembangkan aktiviti hiliran, melangkui aktiviti dan produk huluhan sawit. Insya-Allah aspirasi masa hadapan Kumpulan boleh direalisasikan dengan kerjasama dan sokongan semua pihak. Gabungan FELDA dan FGV mewujudkan ekosistem perniagaan agri yang sempurna dengan konsep dari ladang ke meja.

Pada masa sama, kita harus sedar bahawa cabaran yang kita lalui bukan sahaja dari segi melaksanakan misi ini. Kita turut

berdepan isu-isu kelestarian yang sering dibangkitkan oleh negara-negara barat seperti isu Perintah Tahanan Pelepasan yang dikeluarkan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat. Semua ini perlu ditangani dengan baik.

Kita juga perlu mengambil serius komitmen FGV untuk menangani perubahan iklim dengan mengurangkan sebanyak separuh daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau menjelang tahun 2030 dan mencapai sasaran sifar bersih selewat-lewatnya pada tahun 2050.

Banjir yang berlaku bukan sahaja di Malaysia tetapi di pelbagai negara adalah kesan daripada pemanasan global dan juga paras air laut yang semakin meningkat. Banjir yang berlaku baru-baru ini amat membimbangkan kerana turut merugut banyak nyawa.

Sebagai contoh, Ladang Bukit Sagu 7 mengalami banjir yang teruk sehingga sebuah blok asrama pekerja asing telah dihanyutkan dan para pekerja terpaksa berpaut di pokok-pokok untuk menyelamatkan diri. Kerosakan pejabat ladang, stor penyimpanan baja dan peralatan turut menyebabkan kerugian yang besar.

Saya amat bersympati apabila mendapat tahu banyak rumah petugas kita turut dinaiki air terutamanya di Pahang dan Selangor. Ini termasuklah rumah ibu bapa, adik-beradik dan saudara-mara yang turut terkesan dan perlu dipulihkan setelah banjir surut. Saya mendoakan semua petugas yang terlibat supaya terus bersabar menghadapi ujian ini dan dipermudahkan semua urusan. Semoga kehilangan harta-benda yang dialami akan digantikan dengan yang lebih baik, Insya-Allah.

Seperti firman Allah SWT dalam ayat 286, surah Al-Baqarah yang bermaksud: "Allah tidak membebani seseorang melainkan

sesuai dengan kesanggupannya", maka ujian yang diturunkan ini juga mampu kita hadapi dengan tabah dan bersama-sama kita berusaha mencari penyelesaiannya.

Terima kasih juga kepada pasukan bantuan bencana FGV yang turut membantu rakan-rakan kita di kawasan-kawasan dilanda banjir. Semoga usaha anda semua mendapat ganjaran Allah SWT dan mengeratkan ukhuwah sesama kita. Inilah kerjasama dan kerja berpasukan yang baik yang telah ditunjukkan oleh warga FGV.

Saya ingin melihat kerjasama ini diteruskan dengan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mengeratkan silaturahim di antara kita seperti aktiviti sukan, kekeluargaan dan pertubuhan dalaman yang boleh membentuk jati diri warga FGV yang lebih utuh.

Saya faham di sepanjang 2021, kita terus menghadapi pelbagai kekangan disebabkan pandemik COVID-19 tetapi Insya-Allah, aktiviti-aktiviti ini boleh diadakan dengan mengikut SOP dan panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Janganlah kita mengambil ringan akan perkara ini kerana pandemik ini masih berleluasa. Sama-sama kita saling menjaga agar selamat di dalam lindungan Allah SWT.

Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua petugas. Semoga 2022 memberi sinar baharu buat kita semua. Teruskanlah usaha gigih untuk menjalankan perniagaan yang diamanahkan kepada kita ini.

Insya-Allah, kejayaan kita adalah kejayaan kita bersama; FGV, FELDA dan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Penggerusi
FGV Holdings Berhad



Hak Pekerja Migran Dihormati Dan Dilindungi FGV



Pekerja migran telah memberi sumbangan besar terhadap pembangunan negara melalui pelbagai sektor antaranya seperti perladangan, pembuatan dan pembinaan. Malangnya, peranan pekerja migran dalam masyarakat dan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi sering tidak diiktiraf dan dihargai. FGV sebagai majikan kepada lebih 20 ribu pekerja migran, komited untuk memperkuatkan amalan buruhnya ke arah memastikan hak pekerja migran dihormati dan dilindungi sepenuhnya.

Berita penuh: <https://bit.ly/3FF1ZSz>

FGV Transport Perkuat Perniagaan Logistik Menerusi Perolehan 44 Lori MAN



FGV Transport Services telah memperoleh 44 lori MAN TGS 6x4 prime mover daripada MAN Truck & Bus (M) Sdn. Bhd. (MAN Malaysia), sebuah anak syarikat milik penuh MAN Truck & Bus SE dari Jerman. Dengan penambahan aset baharu ini, Kumpulan FGV kini memiliki 560 unit lori (503 unit untuk pengangkutan darat dan 57 unit untuk pengangkutan kurier).

Berita penuh: <https://bit.ly/3FEaltY>

FGV Berjaya Raih RM500 juta Menerusi Program Sukuk Murabahah



FGV Holdings Berhad berjaya melaksanakan Program Sukuk Murabahah dengan meraih kutipan sebanyak RM500 juta.

"Pencapaian ini membuktikan keyakinan pasaran terhadap kedudukan Kumpulan sebagai pemain agribisnes yang terkemuka dan fokus strategik syarikat ke arah menjadi salah satu pengeluar makanan berkualiti yang ulung di dunia," ujar Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Mohd Nazrul berkata hasil daripada Sukuk ini akan digunakan untuk membiayai semula pembiayaan atau pinjaman sedia ada, dalam usaha Kumpulan ke arah pertumbuhan yang lebih baik dan mampan.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pasukan yang diketuai oleh Bahagian Perbendaharaan Kumpulan serta semua bahagian dan sektor sokongan yang lain atas dedikasi, kerjasama dan koordinasi terbaik yang ditonjolkan dalam memastikan kejayaan program ini.

■ Warga FGV Perlu Peka Tentang Pemuliharaan Hidupan Liar

Warga FGV perlu peka dengan pemuliharaan hidupan liar demi kelestarian masa depan syarikat.

Encik Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV berkata sebagai syarikat agribisnes, Kumpulan memberi komitmen dan menonjolkan keprihatinan terhadap pemuliharaan hidupan liar.

Oleh itu, warga FGV perlu meningkatkan kesedaran tentang usaha-usaha kelestarian yang dijalankan oleh Kumpulan agar sama-sama dapat mendidik keluarga dan masyarakat.

“Syarikat sering dituduh merosakkan alam sekitar dan habitat hidupan liar dengan aktiviti perladangan yang kita lakukan. Tanggungjawab membetulkan persepsi ini bukan sahaja dari syarikat tetapi seluruh warga FGV perlu berganding bahu menceritakan perkara yang sebenar,” ujar Mohd Nazrul.

Beliau berkata Kumpulan perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk sama-sama melestarikan alam sekitar melalui usaha-usaha kolaborasi dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC).

Mohd Nazrul membuat kunjungan ke NWRC di Sungkai, Perak untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pemuliharaan di pusat yang menempatkan hidupan liar yang kian pupus seperti beruang matahari, ungka, tenggiling, harimau dan lain-lain lagi.

Beliau diberi taklimat berhubung fungsi dan peranan NWRC berkaitan tugas-tugas menyelamat hidupan liar di Semenanjung Malaysia.



■ FGV Dan MSM Terima Pengiktirafan Di Majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)



FGV telah menerima pengiktirafan untuk Laporan Tahunan 2020 di Majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) pada 16 Disember yang diadakan secara maya.

FGV menerima Anugerah Emas di bawah Anugerah Kecemerlangan bagi Syarikat dengan Modal Pasaran sebanyak RM2 Bilion hingga RM10 Bilion dan Anugerah Perak di bawah

Anugerah Khas untuk Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia.

Dalam majlis yang sama, anak syarikat FGV, MSM Malaysia Holdings Berhad turut menerima Anugerah Perak di bawah Anugerah Kecemerlangan bagi Syarikat dengan Modal Pasaran kurang daripada RM2 Bilion dan Anugerah Perak di bawah Anugerah Khas untuk Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia.

Tahniah FGV dan MSM Malaysia kerana menjadi finalis dalam pemilihan laporan tahunan terbaik di kalangan entiti korporat Malaysia dalam kecekapan pelaporan yang cemerlang dan komitmen terhadap pelaporan dan ketelusan korporat yang cemerlang.

■ Menerapkan Amalan ESG Di Dalam Kumpulan FGV



OLEH IR. DR. GIDEON TAN

■ FGV Sertai Kayuhan Raja Muda Perlis Santuni Asnaf

Setelah dua tahun tidak dapat menyertai program Kayuhan Bersama Raja Muda Perlis akibat kekangan pandemik, akhirnya pada 15 Disember, FGV berpeluang untuk berbasikal bersama DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyantuni asnaf di negeri tersebut.

Program ini bersempena majlis penyerahan zakat perniagaan Kumpulan kepada Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs). Kayuhan sepanjang lapan kilometer itu memberi peluang kepada Raja Muda Perlis dan pengurusan atasan FGV beramah-mesra dengan menyantuni tiga asnaf yang tidak dapat turut serta dalam majlis khas penyerahan sumbangan di Masjid Al Hidayah, Simpang Empat, Arau.

Sebelum kayuhan tersebut, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus FGV menyerahkan zakat sebanyak RM221,628 kepada Tuanku Syed Faizuddin yang merangkap Yang Dipertua MAIPs dalam satu majlis khas dan disaksikan oleh Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan FGV serta Mohd Nazim Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs.

FGV turut mengagihkan zakat bernilai RM10,000 ke Masjid Al Hidayah dan RM15,000 beserta beberapa produk barang keluaran FGV kepada 30 orang asnaf terpilih.



■ Wakaf: Perisai Harta Umat Islam

Wakaf merupakan sebuah instrumen kewangan Islam yang begitu unik dan berkembang dengan sangat dinamik yang boleh menjadi perisai kepada harta umat Islam. Walau bagaimanapun, tidak ramai orang Islam khususnya daripada kalangan orang Melayu menyedari akan fungsi ini. Hal ini kerana, segelintir daripada kita lebih gemarkan aspek pelaburan berbanding aspek wakaf. Pelaburan dizahirkan pulangannya, sedangkan wakaf pula didakwa terhijab pulangannya di mata manusia.

Polemik yang menimpa umat Islam daripada kaum Melayu dan bumiputera dasawarsa ini, adalah isu kepemilikan aset yang sangat rendah jika berbandingkan dengan etnik lain. Sembilan daripada 10 bidang tanah milik orang Melayu telah hilang atau dijual.

Apabila sesuatu harta itu diwakafkan, hak miliknya telah berpindah daripada hak milik wakaf kepada hak milik Allah. Oleh itu, jumhur ulama muktabar menyatakan bahawa mawquf tidak dipusakakan dan diharamkan jual beli yang menyebabkan perpindahan hak milik. Sebagai contoh, sekiranya Faiz telah mewakafkan rumahnya maka haramlah mana-mana orang mengubah pemilikan rumah tersebut.

Ini kerana hak milik mawquf ialah kepunyaan Allah. Nah, inilah yang dikatakan sebagai perisai harta umat Islam. Seandainya Faiz tadi mewakafkan rumahnya untuk dimanfaatkan oleh anak dan cucunya, maka tiada sesiapapun yang boleh menggugat rumah Faiz daripada dimanfaati oleh anak dan cucunya.



Namun, pewakafan sebegini juga lambat laun akan mendatangkan isu di kemudian hari. Tatkala bilangan cucu Faiz semakin ramai, sedangkan rumah tetap sebesar seperti yang diwakafkan, timbul persoalan, siapakah yang akan menguruskan penyelenggaraan rumah sedemikian? Bagaimanakah agihan manfaat rumah jika cucu dan cicit Faiz berjumlah ratusan orang? Memang benar, daripada sudut hak milik rumah wakaf Faiz tersebut sudah tidak tergugat dan tidak dapat dimanipulasi oleh mana-mana pihak. Tetapi isu agihan dan pengurusan adalah realiti yang perlu ditangani. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, perlu ada

satu entiti yang layak dan berkeupayaan untuk mengurus, mentadbir, mengembangkan rumah wakaf Faiz dan mengagihkan manfaat wakaf kepada anak, cucu serta keturunannya.

Dalam konteks makro di FELDA, fungsi entiti tadi digalas oleh WAQAF FELDA, sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang ditaliahkan sebagai Mutawalli untuk menguruskan harta wakaf. Segala mawquf sama ada dalam bentuk tunai, saham individu, saham syarikat, saham koperasi, aset kekal, kenderaan dan sebagainya yang diwakafkan akan diuruskan oleh WAQAF FELDA. Mawquf akan diusahakan, dimajukan, dikembangkan malah diselenggara agar terus berkembang untuk berterusan memberi manfaat.

Manfaat yang terbit daripada mawquf tersebut tadi diaghikkan untuk tujuan kebajikan, mudah-mudahan menjadi bekalan buat pewakaf di sana kelak. Wallahu ta'ala a'lam.

*Ustaz Muhamat Faizal Marjani as-Sarawaqi
Pengurus (Dana Wakaf dan Keahlian),
WAQAF FELDA*

■ Program Young Shapers Lahirkan Pelapis Pemimpin FGV



Program Young Shapers (YSP) adalah sebuah program untuk memupuk kecekapan peserta yang dipilih dari segi pengurusan projek agar kelak mereka dapat menjadi individu yang mempunyai pemikiran strategik dalam menghasilkan projek yang boleh meningkatkan mutu perniagaan syarikat FGV.

Tahniah diucapkan kepada setiap peserta yang telah berjaya melengkapkan perjalanan selama

enam bulan menyertai program YSP. Majlis penutupan ini juga turut dihadiri oleh Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Mohd Nazrul berkata penyertaan setiap peserta di dalam program YSP seharusnya menggabungkan ilmu pengetahuan yang diperoleh ke dalam projek perniagaan FGV yang menumpukan pada peningkatan kecemerlangan operasi dan prestasi petugas di FGV.

Beliau berkata mentransformasikan FGV adalah sebuah perjalanan yang harus diteruskan dengan usaha dan keupayaan pelaksanaan bagi menghasilkan inisiatif yang strategik. YSP adalah titik permulaan bagi membangunkan eksekutif muda untuk menjadi contoh utama bagi merancang perubahan projek yang berkualiti.

Memandangkan ini adalah kumpulan kedua yang telah berjaya melengkapkan program YSP, Mohd Nazrul berharap agar program ini dapat membangunkan lebih ramai eksekutif muda untuk menyahut cabaran dan menerajui inisiatif transformasi FGV dengan menghasilkan idea kepada realiti.

"Saya menyeru kepada semua peserta yang merupakan pelapis akan datang syarikat agar dapat meningkatkan keyakinan diri dengan setiap cabaran yang dihadapi dan menjadi inspirasi, *innovator* dan transformasi yang FGV sedang cari," ujarnya lagi.

■ Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama MSM Prai Dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Syarikat Kilang Gula Tanah Melayu

Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama yang ke-17 di antara MSM Prai Berhad dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Kilang Gula Tanah Melayu telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 2 Disember.

Majlis ini menzahirkan komitmen antara pihak pengurusan Kumpulan MSM dan pihak kesatuan untuk memastikan kepentingan kedua-dua belah pihak terjaga dan terus bekerjasama erat dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan demi Kumpulan MSM.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM, Hasni Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan MSM, Ab Aziz



Ismail, Ketua Operasi MSM Prai Berhad, Cheah Poh Lye manakala kesatuan diwakili oleh Presiden, Syed Rosdi Syed Asmi, Naib Presiden, Hairul Hedin Abu Hassan, Setiausaha Agung, Norzamzarizal Mahamad Salleh,

Penolong Setiausaha Agung, Mohd Farrid Paugi dan Bendahari, Mohd Salleh Shaari.

Bertepatan dengan konsep Keluarga MSM di mana kebajikan petugas dan seluruh warga Kumpulan MSM merupakan perkara yang menjadi keutamaan pihak Pengurusan, dari manfaat petugas, perlindungan kesihatan, tangga gaji dan juga eluan tugasan, telah ditambah baik. Kesatuan Sekerja memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kesejahteraan kakitangan syarikat.

Pihak Pengurusan dan Kesatuan Sekerja harus sentiasa peka terhadap peraturan dan polisi syarikat. Komunikasi yang efektif boleh menjadi tonggak kecemerlangan.

Pekerja Cemerlang, Syarikat Terbilang



Strategi efektif dan berterusan serta nilai modal insan yang tinggi dalam kalangan petugas adalah antara resipi penentu kejayaan sesuatu syarikat. Berpegang kepada nilai-nilai ini, Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan Sektor Logistik, Omar Affan A'ala Nasaruddin yang sentiasa mencabar diri untuk berfikir di luar kotak dan jauh dari zon selesa demi meningkatkan prestasi diri sendiri dan sektor logistik.

Beliau yang telah berkhidmat di syarikat sejak tahun 2014 mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang dan sektor termasuklah minyak dan gas, perbankan dan hartaanah.

Pada pendapat beliau, dalam usaha merealisasikan apa-apa strategi, terdapat tiga nilai yang menjadi fokus utama.

"Pertama sekali, kita perlu mengenal pasti sesuatu isu dan akui bahawa ia perlu

diselesaikan. Kedua, kita tidak boleh bekerja secara silo kerana tiada siapa yang mempunyai kepakaran dalam semua perkara. Untuk hasil yang terbaik, kita mestilah bekerjasama dengan orang lain tidak kira pangkat dan status sosial. Ketiga, kita juga perlu memahami dan

mempunyai keyakinan tinggi terhadap strategi yang ingin dicadangkan untuk mendapatkan persetujuan serta kerjasama dari semua pihak," kongsi beliau.

Omar juga berpendapat terdapat banyak cabang dalam sektor logistik yang berpotensi untuk berkembang lebih maju berbanding kapasiti kini. Antaranya ialah memfokuskan peningkatan dalam perniagaan luar dan mengurangkan kebergantungan kepada perniagaan dalam serta meneroka potensi untuk menceburi bidang-bidang baru yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.

"Masih tidak terlambat untuk kita menjadikan syarikat-syarikat di bawah sektor logistik seperti pengangkutan dan teknologi maklumat untuk menjadi seperti DHL ataupun IBM seterusnya," jelas beliau.

Antara kepuasan terbesar dalam kerja beliau sebagai Ketua Strategi Sektor Logistik

di FGV dikaitkan dengan pasukan beliau yang sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan terbaik untuk meningkatkan prestasi, membaiki kelemahan sektor dan menyokong inisiatif-inisiatif penambahbaikan oleh pihak pengurusan.

Omar turut mengambil peluang untuk berkongsi resipi meningkatkan prestasi diri terutamanya kepada petugas-petugas muda.



"Dalam sesi pembelajaran terutamanya kepada mereka yang baru memasuki alam pekerjaan, kita mestilah berani bertanyakan soalan-soalan kepada mereka yang lebih berpengalaman dan tidak malu untuk melontarkan idea. Di samping itu, kita juga mestilah berani mencabar diri dalam pelbagai bidang baru. Akhir sekali, banyakkan membaca buku-buku ilmiah untuk meningkatkan pengetahuan," nasihat beliau.

FGV Hulur Bantuan Kepada Komuniti Terjejas Akibat COVID-19



Melalui projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berjalan selama tiga bulan; Ikhlas Daripada Saji, bantuan telah diagihkan kepada golongan memerlukan mulai 8 September 2021 dan berakhir pada 26 November 2021.

Kira-kira RM100,000 telah diperuntukkan oleh syarikat untuk program ini bersempena sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2021.

Komuniti yang terlibat adalah mereka yang menghadapikekangan kewangan akibat pandemik COVID-19, terutamanya keluarga yang memerlukan bantuan untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan.

Sebanyak 3,900 beg yang mengandungi bantuan makanan asas daripada rangkaian produk SAJI seperti minyak masak, beras, garam

gunung, dan mi segera telah disalurkan kepada pertubuhan amal terpilih, persatuan penduduk, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan bank makanan (seperti di masjid, sekolah dan Program Perumahan Rakyat) di 47 lokasi.

Program ini telah disempurnakan dengan lokasi pengagihan akhir yang diatur oleh NGO Kelab Ikatan Masyarakat Prihatin (IMP) melibatkan penduduk dari 100 buah rumah di Kampung Hulu Rening, Batang Kali, Selangor. Majlis dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif DOPSB, Zulkifli Othman dan Presiden IMP Dato' Azli Abu Bakar.

FGV berbesar hati untuk menghulurkan tangan kepada mereka yang memerlukan dalam masyarakat. Semoga usaha ini dapat meringankan sedikit bebanan yang dihadapi golongan kurang berkemampuan.

FGV, melalui anak syarikatnya Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) menghulurkan bantuan untuk meringankan beban penduduk Lembah Klang yang kurang bernasib baik dan terjejas akibat pandemik COVID-19.

■ Projek Penyelidikan TSUNAGU Melabuhkan Tirai 2021

Projek Penyelidikan TSUNAGU untuk tahun 2021 melabuhkan tirainya pada 19 Disember dengan pembentangan hasil penyelidikan dari 14 buah sekolah terpilih dalam Asia, iaitu dari Jepun, Filipina, Singapura dan Malaysia. Projek tajaan FGV ini memupuk kerjasama penyelidikan dalam kalangan pelajar ke arah menyelesaikan isu-isu sawit yang sedia ada di dunia. Ini selaras dengan komitmen FGV terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Antara topik yang dibentangkan ialah memahami kempen boikot minyak

kelapa sawit dan hubungannya dengan pelepasan karbon dioksida; isu buruh kanak-kanak di Malaysia; elektrokoagulasi sebagai alternatif untuk rawatan POME; penghasilan perabot dari buangan kelapa sawit dan banyak lagi.

Puan Ili Bazilah Abd Razak dari FGV R&D dan Encik Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris dari Bahagian Kelestarian Kumpulan FGV merupakan antara ahli panel yang terlibat manakala Dr. Lee Yang Ping telah menyampaikan ucapan penutup bagi pihak FGV.



■ GARIS PANDUAN JENAMA Penggunaan Warna Pada Bangunan FGV

Warna memainkan peranan yang penting dalam usaha penjenamaan. Bangunan pejabat dan pentadbiran dibezakan daripada ruang industri dan kawasan kediaman seperti berikut. Sila rujuk Komunikasi Strategik Kumpulan untuk pengesahan bagi sebarang kemusykilan mengenai warna bangunan yang tidak dipaparkan.



Bangunan Pejabat



Bangunan Industri / Operasi



Kilang



Rumah Petugas



Asrama Tenaga Pekerja

Manual Identiti Korporat ini boleh didapati di FGV Hub dan fgvholdings.com. Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda dalam usaha memperkuatkan penjenamaan FGV.

TERIMA KASIH


PASUKAN BANTUAN BENCANA FGV!

Di saat air banjir mulai surut, sukarelawan dalam kalangan petugas-petugas FGV dari pelbagai sektor turun padang membantu kerja-kerja pembersihan di rumah-rumah rakan sekerja yang terjejas akibat musibah banjir di Selangor dan Pahang.

FGV mengucapkan ribuan terima kasih kepada para sukarelawan yang sanggup menyumbang masa dan tenaga mereka dalam usaha pembersihan ini. Semoga semangat dan ikatan kekeluargaan sesama warga FGV bertambah erat dan kukuh.

Anda semua hebat!

#fgvprihatin #fgvcares



■ APA KATA MEREKA?

Harapan anda untuk tahun 2022



Untuk tahun 2022, saya mengharapkan kehidupan yang lebih baik dan harmoni terutama dari segi kesihatan fizikal dan mental serta mendoakan agar Malaysia khususnya dan dunia amnya dilindungi serta bebas dari wabak COVID-19. Saya juga berharap agar kita semua diperluaskan pintu rezeki, menjalani aktiviti sehari-hari yang lebih selesa dan sentiasa mendapat rahmat dari Yang Maha Esa.

Insya-Allah saya akan terus menyumbang bakti saya kepada Kumpulan FGV dengan lebih baik dan produktif untuk tahun 2022. Saya juga berharap agar Kumpulan FGV akan lebih maju dan terus utuh serta mendapat keuntungan yang lebih tinggi dari tahun 2021. Semoga tahun 2022 ini memberi peluang kepada petugas Kumpulan FGV menikmati ganjaran dan imbuhan yang lebih baik sebagai motivasi kepada petugas untuk bekerja dengan lebih efisien dan berdaya saing.

Azlina Abu Bakar
FGV Trading



Besar harapan saya agar tahun baharu ini akan membawa sinar kepada diri saya, keluarga serta syarikat.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita masih lagi dilanda wabak COVID-19. Harapan saya pada tahun 2022, wabak tersebut akan dapat dikurangkan dan keadaan negara kita akan pulih seperti sediakala. Selain itu, saya juga berharap dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab untuk syarikat, seperti mana slogan PRIDE yang pihak syarikat sentiasa terapkan dalam diri setiap petugas FGV.


Saya mendoakan agar anak syarikat kumpulan FGV khasnya FGV Johor Bulkers akan terus maju dan sentiasa memperoleh kedudukan yang kukuh dalam ekonomi negara.

Jimat Noh
FGV Bulkers, Kuantan



Kehadiran tahun 2022 yang bakal tiba memberi seribu satu harapan dan perubahan lagi-lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang dirasai semua penduduk di dunia. Sudah semestinya permulaan langkah ke tahun 2022 ini saya mulakan dengan irungan doa untuk tahun baharu yang lebih berkat dan damai. Saya berdoa supaya tahun ini dihujani dengan kegembiraan, kesenangan, kecintaan serta sukses dalam kehidupan dan kerjaya. Setiap perjalanan pasti ada keajaiban jika kita berdoa dan berusaha tanpa kenal putus asa. Menjengah ke tahun 2022 juga, sudah pasti harapan saya kepada FGV untuk melihat syarikat terus berkembang maju, kompetitif dan berdaya saing untuk menjadi taikun terutamanya di dalam industri perladangan. Berpegang kepada pepatah melayu lama, "ke mudik tentu hulunya, ke hilir tentu muaranya," memberi maksud kesiapsiagaan perancangan syarikat dalam menempuh cabaran mendatang agar boleh menggenggam matlamat yang dirancang. Doa dan harapan saya agar semua pihak tidak kira pengurusan tertinggi mahupun yang di operasi ladang agar terus teliti dan bijaksana dalam segala persiapan ibarat pepatah sepuluh kali ukur, sekali kerat. Terima kasih FGV!

Zainab Jebi
FGVPM, Wilayah Sampadi



■ APA KATA MEREKA?

Harapan anda untuk tahun 2022



Tahun 2021 diwarnai dengan pandemik virus COVID-19 yang menggonggong seluruh dunia. Negara kita juga tidak terkecuali sehingga mengakibatkan kes harian pernah mencecah lebih 24 ribu. Virus ini membuat segala sektor terkesan termasuklah sektor perladangan. Ada beberapa projek sama ada ladang mahupun kilang yang terpaksa diberhentikan dalam tempoh-tempoh tertentu berikutan kes jangkitan di kalangan petugas dan penduduk setempat di projek. Harapan kita semua agar negara bebas dari virus ini dan kehidupan kembali normal seperti sebelum ini.

Ramai orang di luar sana yang terkesan dengan COVID-19 sehingga terpaksa diberhentikan. Saya berasa sangat bersyukur kerana masih diberi peluang untuk bekerja seperti biasa walaupun dalam keadaan yang sukar ini. Ramai kenalan yang berada di sektor lain terpaksa diberhentikan kerja ekoran ekonomi yang merudum.

Sebagai salah seorang petugas dalam operasi perladangan, sudah pasti akan mengharapkan agar operasi di ladang boleh berjalan lancar. Program dan perancangan operasi disusun atur sama ada di peringkat pembangunan tanam semula, kawasan pra matang, matang muda dan perancangan yang lebih sistematis di kawasan matang tua yang lebih mencabar dengan kekangan pekerja mahir. Isu kekurangan pekerja adalah isu utama hampir di semua ladang FGVP. Strategi untuk menyusun atur sumber buruh terhad yang ada dan keutamaan aktiviti kerja perlu diperincikan agar operasi di ladang dapat dijalankan dengan baik.

Kita adalah penentu bagaimana untuk mengukir cerita yang baru. Semoga kecermerlangan akan terus menyinar untuk diri sendiri, keluarga, rakan-rakan dan FGV keseluruhannya. Selamat Tahun Baharu 2022. Tahun baru, harapan baru, inspirasi baru, semangat baru!!!

**Hardiansyah Syamsuddin
Unit Tanam Semula, FGVP Zon Sabah**



Harapan saya adalah agar Kumpulan FGV dapat mengekalkan momentum keuntungan syarikat seperti yang telah kita capai pada tahun ini sekaligus dapat berkongsi kejayaan tersebut bersama-sama. Semoga semua petugas akan lebih bersemangat untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk memajukan syarikat di masa akan datang.

Kita juga perlu tangkas untuk menyesuaikan diri dengan perubahan demi perubahan yang kini semakin pantas berlaku. Pandemik COVID-19 sudah tentunya merubah persekitaran dan cara perniagaan kita dijalankan. Ada ketika sesetengah kaedah tradisional mungkin tidak lagi relevan dan memerlukan kreativiti atau pun inovasi petugas agar terus berdaya saing untuk meningkatkan lagi pencapaian prestasi diri dan syarikat secara umumnya.

Paling penting adalah agar semua petugas menghayati konsep PRIDE yang sangat sesuai di dalam membina jati diri kita. Selamat Tahun Baharu 2022.

**Mohd Izuddin Selamat
Pengurus Besar Kanan, FGV Johor Bulkers**



Setelah hampir dua tahun bergelut dengan pandemik COVID-19 dengan kisah-kisah duka rakyat Malaysia yang kita sendiri tidak pernah terfikir situasi sebegini akan berlaku. Saya benar-benar berharap agar pada tahun 2022, keadaan akan beransur pulih. Walaupun tidak sebebas dahulu, dengan mengamalkan SOP yang ada untuk menjaga keselamatan dan kesihatan diri, apabila dapat bersama ahli keluarga tanpa sekatan sudah cukup bererti bagi kita semua. Saya berharap agar semua tabah dengan ujian ini. Kita dapat lihat banyak syarikat kecil mahupun besar menanggung kerugian akibat pandemik ini. Tambahan pula ada yang hilang pekerjaan. Saya amat bersyukur kerana saya masih diberi peluang berkhidmat di FGV. Pada tahun ini, kita juga menyaksikan kejayaan demi kejayaan buat FGV, selain daripada kestabilan industri sawit di negara kita. Semoga pada tahun 2022 ini FGV akan lebih cemerlang, kekal sebagai majikan yang sangat prihatin terhadap kami sebagai petugas FGV. FGV terbaik!

**Khairul Fahme Din
FGVP, Kechau 10**

SOROTAN 2021



7 Jan - Akibat kekangan COVID-19, Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) FGV mengedarkan soalan peperiksaan ke rumah 1,046 pelajar di Sabah.



10 Feb - FGV perluas ujian saringan COVID-19 kepada semua pekerja ladang migrannya.




26 Mac - FGV Prodata bina 13 menara telekomunikasi di Terengganu sebagai menyokong agenda ekonomi digital negara.



30 Apr - MSM Malaysia Holdings (MSM) dan FGV Intergrated Farming (FGVIF) memeterai lembaran terma pelupusan dan pemerolehan 100 peratus kepentingan anak syarikat milik penuh MSM, MSM Perlis.



20 Mei - FGV membina 12 klinik di seluruh negara yang menawarkan perkhidmatan rawatan pesakit luar kepada pekerja ladang tempatan dan migran.



23 Jun - FGV mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-13 secara maya buat kali kedua berturut-turut.

SOROTAN 2021



13 Jul - FGV Integrated Farming menginovasi industri padi dan beras tempatan dengan pengenalan program Beras Wangi *Fortified Field™* (3FR) untuk penanaman padi wangi yang berkesan.



4 Ogos - FGV Plantations dan FGV Palm Industries memperuntukkan RM3.1 juta bagi pembelian lapan bas sekolah baharu untuk kegunaan anak-anak pekerja tempatan. Kini, jumlah keseluruhan bas sekolah yang dimiliki FGV adalah 89 unit.



15 Sept - Pekerja ladang migran FGV menerima suntikan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) FGV yang terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) Tekam, Jerantut, Pahang



29 Okt - FGV Transport memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk bagi menyediakan penghantaran dan penyelesaian penyimpanan sejuk yang cepak untuk produk sensitif suhu dan barang mudah rosak.



30 Nov - Pendapatan Kumpulan meningkat 33 peratus tahun ke tahun kepada RM13.39 bilion, manakala keuntungan operasi juga meningkat hampir tiga kali ganda kepada RM1.16 bilion tahun ke tahun pada 9B TK2021.



22 Dis - 29 Dis - Bantuan keperluan diri dan makanan diberikan selain dari membantu petugas-petugas FGV yang terkesan dengan musibah banjir dalam kerja-kerja pembersihan.

■ RESIPI PILIHAN

Hidangan manisan memang wajib ada di sebarang majlis keraian. Tanpanya, ibarat tak lengkap majlis yang dianjurkan. Tatkala sudah menikmati aneka makanan enak, manisan tentunya dicari sebagai pencuci mulut. Kami kongsikan dua jenis resipi manisan daripada peserta Peraduan Memasak Duta FGV yang mudah untuk anda cuba.

Kek Batik

BAHAN-BAHAN

1/2 tin krimer pekat Saji
 1 tin krimer cair Saji
 1/2 tin krimer manis coklat Saji
 250gm marjerin Adela
 200gm serbuk Milo
 1 paket biskut Marie

CARA-CARA PENYEDIAAN

1. Lapik loyang dengan kertas minyak supaya mudah untuk keluarkan kek setelah masak.
2. Cairkan marjerin Adela dalam periuk dengan api sederhana. Masukkan krimer pekat Saji, krimer manis coklat Saji dan serbuk Milo, kemudian kacau sehingga sebati.
3. Akhir sekali masukkan biskut Marie dan gaulkan.
4. Tuangkan semuanya ke dalam loyang dan tekan supaya mampat.
5. Simpan dalam peti sejuk selama empat atau lima jam sebelum dihidangkan.

BAHAN-BAHAN

2 sb krimer pekat Saji
 1 tin krimer cair Saji
 3 sb Saji Mayo
 3 sb *Bright Cow Greek Yogurt Natural*
 Buah-buahan kegemaran (dipotong dadu)

CARA-CARA PENYEDIAAN

1. Masukkan Saji Mayo ke dalam mangkuk yang diisi dengan potongan buah.
2. Seterusnya, tuangkan krimer cair Saji, krimer pekat Saji dan yogurt ke dalam mangkuk dan kacau sehingga sebati.
3. Sejukkan selama 30 minit sebelum dihidangkan.

Koktel Buah

Resipi oleh:
 Syahirah Suhaimi
 FGV Integrated Farming

BOX OF HAPPINESS PRODUK FGV

Hulurkan Bantuan, Kongsi Kegembiraan

Hanya
RM50



Sumbangan akan disalurkan kepada :

- Tabung Makanan Masjid
- Rumah Warga Emas
- Golongan Anak
- Rumah Anak Yatim

MAKLUMAT TEMPAHAN
60192010843

WWW.KEDAIFGV.COM

Anda Beli, Kami Hantar!

Kesibukan harian membuatkan masa kita terhad dan perlu merancang dengan lebih bijak. Bagi mengelakkan keadaan trafik, cuaca yang tidak menentu, penularan wabak dan pelbagai perkara yang tidak diingini, pilihlah membeli-belah secara dalam talian yang lebih mudah dan selamat.

FGV menyediakan platform membeli secara dalam talian untuk setiap produk jualan buat kemudahan para pelanggan.

www.ladang57.com.my

www.gogopasar.com

<https://www.fgvdairyfarm.com/>

<https://kedaifgv.com/>

*tertakluk pada terma dan syarat

MUSIM HUJAN: PILIH MEMBELI SECARA 'ONLINE'



#WEMAKEITHAPPEN

@fgvif

@fgv_if

@gogopasar.com

TIPS KESELAMATAN MUSIM BANJIR

SEBELUM

Simpan dokumen penting di tempat yang selamat / bawa bersama ke PPS

Tutup semua suis utama elektrik, injap utama bekalan air dan gas sebelum meninggalkan rumah

SEMASA

Jauhi dan jangan sentuh mana-mana kabel / wayar elektrik yang terputus / jatuh ke dalam air

Jangan biarkan kanak-kanak bermain air banjir, longkang, sungai / lombong

SELEPAS

Jangan cuba hidupkan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir

Bawa peralatan elektrik yang terjejas untuk pembersihan, pemeriksaan dan pemberian (jika perlu) oleh juruteknik di kedai peralatan elektrik

TANYA DOKTOR POKOK



S: Mengapakah pokok bunga yang saya tanam hanya mengeluarkan bunga tapi bukan daun?

- Normayati Mohd Yasin, FGVPM

J: Pokok bunga akan mengeluarkan banyak bunga dalam keadaan stress seperti kekurangan air. Sebagai contoh,pada pokok bunga kertas dan lain-lain. Untuk menggalakkan pengeluaran daun yang banyak, pastikan siraman air yang mencukupi

dan ditabur dengan baja butir atau semburan baja cecair yang mengandungi nitrogen yang tinggi, dan selalunya ia disebut sebagai ‘baja daun’.

S: Apakah petua untukkekalkan orkid sihat dan berbunga?

- Ismi Rizal Hafiz, FGV Prodata

J: Lakukan semburan baja cecair yang mengandungi kalium (potassium) yang tinggi atau selalunya disebut sebagai ‘baja bunga’ kepada pokok dan akar orkid tersebut secara berkala pada setiap satu ke dua minggu sekali.



S: Bolehkah campur tanaman dalam satu bekas?

- Norwahida Yusoff, DOPSB

J: Tanaman campuran dalam bekas yang sama boleh dilakukan untuk sayuran yang mempunyai kadar pertumbuhan yang agak sama supaya tidak berlaku persaingan ruang dan cahaya matahari daripada jenis sayur yang cepat tumbuh sehingga menyebabkan sayuran lain yang lambat tumbuh menjadi terbantut atau kurus. Pastikan jarak tanaman di antara sayuran tersebut tidak terlalu rapat.

Mesyuarat Agung Tahunan Kekalkan Jawatankuasa Setahun Lagi



Mesyuarat Agung Tahunan Ke 2 Kelab Sukan FGV (KSFGV) berjaya diadakan pada 24 Disember setelah tertangguh akibat pandemik COVID-19.

Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju usul untuk mengekalkan ahli jawatankuasa (AJK) sesi 2020 / 2021 untuk setahun lagi bagi sesi 2021 / 2022.

“Akibat Perintah Kawalan Pergerakan, KSFGV tidak dapat mengadakan aktiviti secara fizikal walaupun pelbagai aktiviti telah dirancang oleh AJK zon.

Insy-allah, dengan banyak negeri telah beralih ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat, kita akan menyambung semula aktiviti yang tertangguh,” ujar Muhammad Najib Abdul Manan, Pengerusi KSFGV.

Muhammad Najib mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada AJK dan berikrar akan melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli KSFGV.

Berikut adalah senarai AJK yang akan menyambung tugas untuk sesi 2021 / 2022.

MUHAMMAD NAJIB ABD MANAN
Pengerusi KSFGV

AHMAD RASUKI HAMID
Sahabat

MOHD IZAM PARIZ ZAMRI
Timbalan Pengerusi KSFGV

HAIRUDDIN RUSLAM
Serting

DALILAH IBRAHIM
Setiausaha

MUHAMMAD RAIS ABDUL RAHMAN
Lipis

TAJUL AZWA HARIS
Penolong Setiausaha

ZULAZREEN RUBAAI
Johor

AINON SYAFIQAH SUHAIDI
Bendahari

JEFRI HAMDAN
Kuala Lumpur

WAN MAZLAN WAN NAWANG
Kuantan

TRAVELOG

Sambutan Hari Keluarga di Janda Baik, Pahang



Seperti yang kita sedia maklum sejak pandemik COVID-19 melanda, industri pelancongan negara telah terjejas terutamanya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi merancakkan kembali industri pelancongan negara, kita disarankan untuk bercuti di dalam Malaysia. Terdapat banyak tempat menarik yang boleh kita lawati. Di sini saya berkongsi kisah hari keluarga kami di Janda Baik, Pahang sebelum PKP dilaksanakan iaitu pada Januari 2020.

Perjalanan dari Kuala Lumpur ke Janda Baik kira-kira 45km hanya mengambil masa kurang dari sejam. Di sana terdapat pelbagai jenis penginapan yang boleh dipilih. Pilihan kami ialah di Pondok Impian Resort kepunyaan pelakon Den Wahab.


Pondok Impian ini menyajikan ruang percutian yang menarik dan menenangkan untuk bersama keluarga.

Berada di tengah-tengah kehijauan alam semulajadi amat mendamaikan hati dan tenang daripada hiruk-pikuk kendaraan dan kesibukan ibu kota. Minda yang letih akibat bekerja menjadi terangsang semula apabila dapat meluangkan masa bersama keluarga.

Terdapat pelbagai kemudahan yang telah disediakan. Kami berpeluang untuk melakukan aktiviti seperti sambutan hari jadi, barbeku dan mandi-manda. Kesimpulannya, percutian kami di Pondok Impian ini telah memberikan pengalaman manis untuk dikenang.

Kelak, kami berhajat untuk mengunjungi tempat-tempat menarik lain di Malaysia bagi menyokong industri pelancongan domestik.

oleh:
Nurul Sakinah Abd Aziz
FGV Holdings



PANDUAN RINGKAS

Pakej Umrah Felda

ALIRAN PERGERAKAN PERJALANAN



'Peraduan Foto Makanan Menyatukan Keluarga Malaysia'

Sebagai pengeluar makanan terbesar di Malaysia, FGV mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui makanan yang disediakan dan dimakan bersama. Kami mengajak anda untuk berkongsi foto memasak atau menikmati juadah bersama keluarga dengan syarat foto tersebut perlulah mempamerkan mana-mana produk keluaran FGV 😊

Tarikh tutup:
31 Januari 2022



Syarat-syarat penyertaan:

1. Terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV.
2. Anda boleh menghantarkan **lebih daripada satu gambar** tetapi boleh memenangi satu hadiah sahaja.
3. Saiz foto tidak lebih dari **2MB**.

Hantarkan penyertaan anda ke **groupstrategiccomms@fgvholdings.com** atau **WhatsApp ke +6019-2004600**.

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui **groupstrategiccomms@fgvholdings.com**



KALENDAR CASSIA

2022

JANUARI

A	I	S	R	K	J	S
				1		
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

FEBRUARI

A	I	S	R	K	J	S
		1	2			
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28					

MAC

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

APRIL

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

MEI

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

JUN

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	3
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

JULAI

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

Ogos

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

SEPTEMBER

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	

OKTOBER

A	I	S	R	K	J	S
				1		
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

NOVEMBER

A	I	S	R	K	J	S
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

DISEMBER

A	I	S	R	K	J	S
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

- 1 Jan Tahun Baru
- 18 Jan Thaipusam
- 1 Feb Tahun Baru Cina
- 2 Feb Tahun Baru Cina
- 9 Apr Nuzul Al-Quran
- 1 Mei Hari Pekerja
- 3 Mei Hari Raya Aidilfitri

- 4 Mei Hari Raya Aidilfitri
- 15 Mei Hari Wesak
- 6 Jun Hari Keputeraan YDP Agong
- 10 Jul Hari Raya Haji
- 30 Jul Awal Muharram
- 31 Ogos Hari Kebangsaan
- 16 Sept Hari Malaysia

- 9 Okt Maulidur Rasul
- 24 Okt Hari Deepavali
- 25 Dis Hari Krismas